

29 OCT 2003

Musa-Mahathir

PERSARAAN DR M SATU KEHILANGAN BESAR KEPADA SISTEM PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah satu kehilangan besar kepada sistem pendidikan negara yang sebelum ini banyak menerima cetusan idea Perdana Menteri, kata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad hari ini.

Beliau berkata cetusan idea Dr Mahathir sepanjang tempoh berkhidmat dalam kerajaan banyak membantu meningkatkan mutu sistem pendidikan negara.

"Sumbangan beliau kepada sistem pendidikan amat banyak ... dan yang terbaru ialah idea mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris," kata Musa kepada pemberita selepas mesyuarat kementerianya di sini.

Ketika diminta mengulas mengenai persaraan Dr Mahathir pada Jumaat ini, beliau berkata antara idea Perdana Menteri itu yang terbukti kejayaannya termasuklah Penyata Mahathir, iaitu laporan jawatankuasa Kabinet semasa Dr Mahathir menjadi Menteri Pendidikan pada 1974.

Laporan itu telah membuahkan beberapa perkara baru termasuk Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), katanya.

Selain itu Musa berkata Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir telah menghantar beribu-ribu pelajar tempatan melanjutkan pelajaran ke Jepun dan Korea Selatan.

Idea Dr Mahathir juga yang mewujudkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Utara Malaysia, katanya.

Sempena persaraan Perdana Menteri itu, Musa akan menyampaikan perutusan khas yang memuatkan pencapaian sistem pendidikan negara hasil pandangan Dr Mahathir, pada perhimpunan yang akan diadakan di semua institusi pendidikan di negara ini esok.

Perutusan itu akan dibaca oleh guru besar dan pengetua pada perhimpunan yang akan bermula pada pukul 9 pagi dan akan disertai oleh enam juta warga pendidikan.

Pada perhimpunan itu juga akan dibacakan surat terbuka pelajar-pelajar untuk Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NM AHH BK